

ANALISIS KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA ARAB DARI ASPEK MODEL DAN KAEDAH PENGAJARAN MODUL

Need Analysis: Models and Methods of Teaching for Module Construction of Arabic Writing Essay

Mohamad Rofian Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdrofian@kuis.edu.my

Muhammad Daoh
Universiti Selangor
muhammad66@unisel.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau pandangan tenaga pengajar bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia (UAM) berkaitan pengajaran modul kemahiran mengarang. Data yang diperoleh merupakan dapatan sokongan yang digunakan untuk membina modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab (M-KMKBA). Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan seramai 12 orang peserta kajian yang terdiri daripada tenaga pengajar bahasa Arab dari empat buah universiti iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diambil sebagai sampel kajian. Satu set protokol temubual digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual. Transkrip temubual dianalisis mengikut tema dan kategori bagi memperoleh dapatan analisis keperluan dan pembangunan modul M-KMKBA. Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa semua tenaga pengajar secara umumnya bersetuju sekiranya kaedah dan pendekatan pengajaran modul kemahiran mengarang bahasa Arab diajar dengan pelbagai kaedah dan bukannya bergantung kepada satu-satu kaedah sahaja, antaranya secara komunikatif, secara langsung, interaktif, eklektik dan kaedah terjemahan.

Kata kunci : Analisis Keperluan, Modul, Karangan Bahasa Arab, Pengajaran

Abstract

This study was conducted to examine the views of Arabic language teachers at the Public University of Malaysia (UAM) on the aspects of teaching the essay writing skills module. The data obtained were the support findings used to develop the Arabic language of essay writing skills modules (M-KMKBA). The study was a qualitative study and a total of 12 study participants consisting of Arabic language instructors from four universities, namely Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) were taken as a sample of the study. A

set of interview protocols is used as a research instrument for obtaining data. The data obtained were analyzed using the thematic method manually. The interview transcripts were analyzed according to the theme and category to obtain the findings of the need's analysis and the development of the M-KMKBA module. The findings in general state that all lecturers agree that the methods and approaches to the module are taught in a variety of ways rather than relying on one method only, including communicative, direct, interactive, eclectic, and translation methods.

Keywords: Need Analysis, Module, Arabic Essays, Teaching

PENGENALAN

Kemahiran mengarang bahasa Arab merupakan peringkat tertinggi kemahiran menulis seseorang pelajar samada diperingkat menengah mahupun universiti.

Kesukaran menguasai kemahiran mengarang bahasa Arab mengikut kajian Sulaiman et al., (2018) adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya faktor silibus dan modul, faktor model pengajaran guru, faktor pembelajaran pelajar dan faktor tahap kebolehcapaian penguasaan pelajar. Menurut Tajuddin, (2017), antara kegagalan guru dalam mengajar kemahiran mengarang bahasa Arab ialah mengajar tanpa panduan atau model yang sesuai. Hal ini berdasarkan kajian Mustari (2012) bahawa terdapat pelbagai model pengajaran bahasa Arab sehingga guru keliru memilih model pengajaran yang sesuai semasa mengajar. Setiap model pengajaran bahasa Arab mempunyai kriteria dan ciri-ciri tersendiri yang bersesuaian dengan jenis kemahiran bahasa yang diajar. Justeru, model pengajaran modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab memerlukan kepada model dan kaedah pengajaran yang tersendiri. Model dan kaedah pengajaran ini mestilah sepadan dan sesuai dengan keperluan pelajar dan pengguna modul itu sendiri. Guru perlu diberi ilmu dan informasi tentang cara memilih model pengajaran yang sesuai.

Kajian ini secara tidak langsung memberi fokus kepada model pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Arab selain memaparkan bentuk kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar bahasa Arab diperingkat universiti hasil daripada dapatan kajian melalui instrumen temubual yang dijalankan pada peringkat kajian analisis keperluan pembinaan modul.

Latar belakang kajian

Pemilihan model dan kaedah pengajaran untuk sesuatu modul memerlukan kajian dan penelitian yang mendalam bagi memastikannya bertepatan dan sepadan dengan ciri-ciri modul yang dibangunkan.

Selain itu, pemilihan kaedah dan model pengajaran modul yang sesuai dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang digariskan. Menurut Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail (2010) kaedah dan model pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Guru boleh menggunakan beberapa panduan sebelum mengaplikasikan sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah:

- (a) Kaedah mestilah sepadan dengan tujuan dan matlamat pelajaran.
- (b) Kaedah mesti sejajar dengan objektif pelajaran yang hendak dicapai.
- (c) Kaedah juga haruslah sesuai dengan ciri-ciri (*nature*) pelajaran yang diajar.
- (d) Kaedah mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar kaedah itu mestilah yang boleh atau mampu diaplikasi oleh guru yang mempunyai masa yang cukup untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan.

Modul yang baik perlu dilengkapi dengan kaedah dan teknik pengajaran guru yang menepati dan memenuhi objektif umum dan khusus, isi kandungan dan kaedah penilaian yang digunakan. Perkara ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Jasni (2020) memberi kesan yang positif kepada kompetensi guru dalam pengajaran dan penguasaan pelajar dalam meningkatkan kosa kata pelajar untuk kemahiran menulis bahasa Arab.

Kajian ini secara ringkasnya memberi fokus kepada beberapa aspek model dan kaedah pengajaran guru dalam kemahiran menulis karangan berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada analisis keperluan melalui pandangan pakar bidang bahasa Arab dan pendidikan di empat buah universiti awam iaitu USIM, UM, UKM dan UniSZA. Pandangan pakar bidang yang pelbagai dalam aspek yang dikaji telah menggariskan beberapa elemen penting antaranya kriteria atau ciri-ciri pemilihan model dan teknik pengajaran modul yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam membangunkan sesebuah modul.

Justeru, analisis keperluan yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat membantu penggubal-penggubal modul bahasa Arab mendapatkan input dan informasi yang berguna dalam menghasilkan sesebuah modul.

PERBINCANGAN LITERATUR KAJIAN

Proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis telah melalui beberapa fasa bermula daripada kurun ke-19 sehinggalah sekarang.

Menurut Raghīdat̃ ‘Isyāwīy (2013), bidang pengajaran kemahiran menulis telah melalui tiga fasa. Fasa yang pertama ialah pendekatan konvensional. Ia juga dinamakan sebagai *product approach*. Kemahiran menulis pada peringkat ini diajar bermula dari bahagian-bahagian kecil kepada bahagian-bahagian besar atau keseluruhan (William, 2003) dalam Raghīdat̃ ‘Isyāwīy (2013). Menurut Muhammad al-Khawlīy (1986), pendekatan ini dinamakan dengan *Mabda’ al-Tarākum* (Asas pengumpulan). Pendekatan ini dimulai dengan mengetahui cara membina huruf kepada perkataan kemudian ayat seterusnya perenggan sehinggalah terbentuknya karangan.

Model pengajaran ini menurut Muhammad al-Khawlīy (1986) digunakan pada peringkat pra penulisan. Pada peringkat ini pelajar hanya diajar mengenali alat-alat tulis dengan membuat latihan *Khat* dari segi panjang pendeknya, permulaannya dan pengakhirannya. Seterusnya berkembang kepada tulisan huruf secara bercerai dan bersambung, kemudian berkembang ke peringkat menyalin seterusnya peringkat *’Imla’*, berikutnya peringkat karangan tertutup sehinggalah pelajar diajar cara menulis karangan berbentuk bebas. Sebelum pelajar diajar karangan bebas, mereka terlebih dahulu didedahkan dengan karangan berpandu. Ia adalah karangan yang meminta pelajar meniru atau menyalin teks teks yang disediakan oleh guru (Hyland, 2009).

Manakala fasa yang kedua pula menggunakan pengajaran berbentuk *process approach*. Model pengajaran ini lahir hasil daripada maklumbalas, tindak balas dan juga lanjutan daripada model yang pertama tadi iaitu *product approach*. Model ini memberi tumpuan kepada pendekatan menulis sebagai satu perbuatan yang kreatif yang melibatkan beberapa prosedur atau langkah-langkah iaitu: Menghasikan idea, merancang, menulis, menyemak, dan mengedit.

Langkah-langkah inilah yang tidak terdapat dalam model pertama. Walaupun model ini banyak memfokuskan kepada perkembangan penulisan, namun ia telah mengabaikan aspek mengembangkan teks (Badger et al. 2000). Menurut Baines et al. (1999), kebanyakan fasa-fasa penulisan dalam model ini mementingkan prosedur menulis sebagai asas pelaksanaan berbanding dengan kualiti penulisan yang terhasil setelah menggunakan prosedur tersebut. Zamel (1983) menambah bahawa pendekatan pengajaran yang berbentuk langkah demi langkah ini tidak memandang penulisan sebagai proses komunikasi pada peringkat yang pertama. Hal ini kerana ia telah mengabaikan pemilihan tugas - tugas yang sepatutnya dilakukan oleh pelajar dalam penulisan.

Model pengajaran kemahiran menulis yang berikutnya ialah *genre approach* iaitu pendekatan teks. Pendekatan ini dijalankan dengan memberi perhatian kepada pengajaran teks mengikut konteks sosial seseorang pelajar. Pengajaran penulisan mengikut perspektif ini merupakan satu pendekatan yang mempunyai perkaitan rapat dengan tujuan, matlamat dan kehendak sesebuah masyarakat, manakala pengembangan penulisan pelajar dinilai melalui kemampuan mereka dalam menganalisis dan menjelaskan input-input yang disampaikan oleh guru dalam bentuk teks (Badger et al. 2000). Oleh itu, setiap jenis teks yang ditulis pelajar akan mempunyai ciri-ciri kosa kata dan bentuk tatabahasa yang lebih cenderung kepada *communicative purpose* iaitu untuk tujuan komunikasi (Nunan, 2006).

Namun begitu, Dovey (2010) berpendapat bahawa penumpuan semata-mata kepada konsep *genre* iaitu teks bukanlah sesuatu yang diperlukan oleh pelajar dalam menghasilkan penulisan yang baik. Hal ini kerana mengikut pengalamannya dalam pengajaran penulisan dan penggubalan sukatan pelajaran, terdapat kelemahan dan kekurangan pada model ini iaitu pelajar sebenarnya memerlukan beberapa prosedur kognitif yang boleh membantu mereka seolah-olah mereka berada dalam konteks sosial yang sebenar. Oleh yang demikian, seseorang pelajar memerlukan sesuatu yang terdapat dalam pendekatan yang berbentuk prosedur seperti strategi menghasilkan idea, bertukar-tukar penulisan dan semakan, melakukan rujukan dan tinjauan.

Hasil daripada kemunculan tiga model tadi dapat disimpulkan bahawa setiap daripadanya mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Model pertama mempunyai kelebihan iaitu memahami keperluan pelajar kepada kognitif bahasa dengan menjadikan

simulasi sebagai salah satu cara pembelajaran. Model yang kedua pula mendedahkan gambaran berkaitan kaedah mengambil manfaat dan faedah daripada kebolehan kognitif pelajar dan pengalaman diri mereka dalam mengembangkan penulisan. Manakala model yang ketiga pula memberi fokus kepada konteks sosial dalam penulisan selain memastikan pentingnya sokongan guru dan pelajar dalam proses mengembangkan penulisan.

Berdasarkan kelebihan yang ada pada model – model pengajaran tadi, maka terhasil pula model pengajaran penulisan yang keempat iaitu model *Tawfīqiyyat* iaitu model gabungan yang menggabungkan semua kelebihan yang ada pada ketiga-tiga model tadi. Model ini menggabungkan antara kepentingan prosedur penulisan dan kepentingan teks dari segi bentuk dan penelitian bahasa. Ia dinamakan dengan *process-product model* dan ia adalah model pengajaran penulisan yang banyak digunakan pada masa sekarang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Seramai 12 orang peserta kajian iaitu tenaga pengajar bahasa Arab dari empat buah universiti dipilih sebagai sampel kajian. Universiti yang terlibat dalam kajian ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Univesiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Pengkaji menggunakan satu set protokol temubual sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data tambahan sebagai menyokong dapatan analisis keperluan pembinaan modul M-KMKBA yang telah dijalankan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual. Transkrip temubual dianalisis mengikut tema dan kategori yang telah digariskan pada objektif kajian.

Analisis Kajian:

Analisis kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu demografi peserta kajian temubual dan analisis model yang merangkumi kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh peserta kajian berdasarkan pandangan dan pengalaman masing-masing.

Bahagian I : Demografi Peserta Kajian Temubual

Latar belakang peserta kajian meliputi profil peribadi peserta kajian. Profil peserta kajian meliputi maklumat tentang jantina, umur, kelayakan akademik, bidang kepakaran, dan pengalaman mengajar di universiti.

Kajian ini melibatkan dua belas orang tenaga pengajar lelaki dan perempuan yang mengajar kemahiran bahasa Arab di universiti awam di Malaysia. Kesemua tenaga pengajar ini dipilih secara persampelan bertujuan iaitu pemilihan dilakukan berdasarkan kepada kesediaan peserta kajian untuk memberikan maklumat secara mendalam tentang analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan modul KMKBA. Profil peserta kajian secara terperinci dipaparkan dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 : Perbandingan Latar Belakang Peserta Kajian Dari Segi Demografi

Peserta Kajian	Jantina	Universiti	Umur	Akademik Tertinggi	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
TP1	Perempuan	UNISZA	43	Phd	Bahasa Arab	17 Tahun
TP2	Lelaki	UKM	37	Phd	Kemahiran Membaca&Ber tutur Bahasa Arab	9 Tahun
TP3	Perempuan	UKM	32	Sarjana Muda	Bahasa Arab	7 Tahun
TP4	Perempuan	USIM	32	Sarjana	Bahasa Arab	8 Tahun
TP5	Perempuan	USIM	40	Sarjana Muda	Bahasa Arab	14 Tahun
TP6	Lelaki	UM	44	Sarjana	Pengajaran Bahasa Arab	8 Tahun
TP7	Lelaki	UM	43	Phd	Bahasa Arab	7 Tahun
TP8	Lelaki	UKM	41	Sarjana	Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua	15 Tahun
TP9	Lelaki	USIM	38	Phd	Kurikulum Bahasa Arab	13 Tahun
TP10	Perempuan	UM	39	Sarjana	Linguistik	9 Tahun
TP11	Perempuan	UNISZA	39	Phd	Sastera Arab	12 Tahun
TP12	Lelaki	UNISZA	45	Sarjana	Bahasa Arab&Sastera	15 Tahun

Sumber: Temubual Tenaga Pengajar Universiti

Dalam kajian ini, peserta kajian telah diberikan nama samaran iaitu TP1 merupakan tenaga pengajar pertama, tenaga pengajar dua (TP2), tenaga pengajar tiga (TP3), tenaga

pengajar empat (TP4), tenaga pengajar lima (TP5) dan tenaga pengajar enam (TP6). Tenaga pengajar tujuh (TP7), tenaga pengajar lapan (TP8), tenaga pengajar Sembilan (TP9), tenaga pengajar sepuluh (TP10), tenaga pengajar sebelas (TP11) dan tenaga pengajar dua belas (TP12). Kaedah nama samaran ataupun *pseudonym* (Bloomberg dan Volpe 2008; Merriam dan Tisdell 2015) dilakukan dengan cara mengaitkan nama sebenar dengan nama yang hendak diberikan bagi memudahkan proses mengenal pasti nama asal (Zanaton Hj. Iksan 2011). Di samping itu kaedah memberikan nama samaran ini membolehkan identiti sebenar peserta kajian dirahsiakan daripada pengetahuan umum.

TP1 adalah tenaga pengajar perempuan di UNISZA, berumur 43 tahun. Beliau berkecualan Doktor Falsafah dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Arab dan menceburkan diri dalam pengajaran kemahiran bahasa Arab dalam tempoh selama 16 tahun. TP2 adalah tenaga pengajar Lelaki di UKM, berumur 37 tahun. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang bahasa Arab. Beliau juga merupakan pakar rujuk dalam bidang kemahiran bahasa Arab terutama kemahiran membaca dan bertutur. Beliau mempunyai pengalaman pengajaran dalam bidang bahasa Arab selama sembilan tahun. TP3 adalah tenaga pengajar perempuan di UKM, berumur 32 tahun. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Arab. Dalam masa yang sama beliau mempunyai pengalaman pengajaran kemahiran bahasa Arab selama tujuh tahun.

TP4 adalah tenaga pengajar perempuan di USIM, berumur 32 tahun. Beliau memiliki ijazah Sarjana dalam bidang bahasa Arab. Beliau juga merupakan tenaga pengajar dalam bidang kemahiran bahasa Arab dan mempunyai pengalaman pengajaran dalam bidang tersebut selama lapan tahun. TP5 adalah tenaga pengajar perempuan di USIM, berumur 40 tahun. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dalam bidang bahasa Arab. Beliau sangat mahir dalam bidang bahasa Arab serta mempunyai pengalaman pengajaran dalam bidang tersebut selama 14 tahun. TP6 adalah tenaga pengajar lelaki di UM, berumur 44 tahun. Beliau memiliki ijazah Sarjana dalam bidang pengajaran bahasa Arab. Beliau sangat mahir dalam bidang pengajaran bahasa Arab serta mempunyai pengalaman pengajaran dalam bidang tersebut selama lapan tahun.

TP7 adalah tenaga pengajar lelaki di UM, berumur 43 tahun. Beliau memiliki ijazah Doktor Falsafah dalam bidang bahasa Arab. Beliau juga merupakan pakar rujuk dalam bidang bahasa Arab. Beliau mempunyai pengalaman pengajaran dalam bidang bahasa Arab selama tujuh tahun. TP8 adalah tenaga pengajar lelaki di UKM, berumur 41 tahun. Beliau memiliki

ijazah Sarjana dalam bidang bahasa Arab. Beliau juga merupakan tenaga pengajar dalam bidang bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan mempunyai pengalaman pengajaran dalam bidang tersebut selama lima belas tahun. TP9 adalah tenaga pengajar lelaki di USIM, berumur 38 tahun. Beliau berkecualan Doktor Falsafah dan mempunyai kepakaran dalam bidang kurikulum bahasa Arab dan menceburkan diri dalam pengajaran kemahiran bahasa Arab dalam tempoh selama 13 tahun.

TP10 adalah tenaga pengajar perempuan di UM, berumur 39 tahun. Beliau berkecualan Sarjana dan mempunyai kepakaran dalam bidang linguistik Arab dan menceburkan diri dalam pengajaran kemahiran bahasa Arab dalam tempoh selama 9 tahun. TP11 adalah tenaga pengajar perempuan di UNISZA, berumur 39 tahun. Beliau berkecualan Doktor Falsafah dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Arab dan Sastera. Beliau menceburkan diri dalam bidang pengajaran kemahiran bahasa Arab di universiti dalam tempoh selama 12 tahun. TP12 adalah tenaga pengajar lelaki di UNISZA, berumur 45 tahun. Beliau berkecualan Sarjana dan mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Arab dan Sastera. Beliau menceburkan diri dalam pengajaran kemahiran bahasa Arab dalam tempoh selama lima belas tahun.

Hasil daripada analisis yang dijalankan jumlah peserta kajian yang telah ditemubual adalah seramai 12 orang masing-masing mewakili tiga orang tenaga pengajar dari empat buah universiti awam Malaysia iaitu UKM, UM, UNISZA dan USIM. Semua peserta kajian berumur dalam lingkungan 32 tahun hingga 45 tahun. Jantina peserta kajian adalah seimbang iaitu enam orang lelaki dan enam orang perempuan. Dari sudut kelayakan akademik didapati lima orang mempunyai Phd, lima orang mempunyai sarjana dan dua orang mempunyai sarjana muda. Masing-masing mempunyai pengalaman mengajar yang berbeza di peringkat universiti.

Pengalaman mengajar tenaga pengajar yang paling minima ialah selama tujuh tahun manakala yang paling lama ialah selama 17 tahun. Terdapat lima bidang pengkhususan bahasa Arab yang berbeza dalam kalangan peserta kajian yang ditemubual iaitu bidang kemahiran bahasa Arab, bidang kurikulum bahasa Arab, bidang linguistik bahasa Arab, bidang bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan bidang kesusasteraan bahasa Arab. Semua peserta kajian pernah mengajar kemahiran menulis bahasa Arab terutama kemahiran menulis karangan.

Bahagian II : Pengajaran Modul Kemahiran Mengarang Bahasa Arab

Analisis dapatan temubual mendapati bahawa semua tenaga pengajar secara umumnya bersetuju sekiranya kaedah pengajaran modul kemahiran mengarang bahasa Arab ini diajar dengan pelbagai kaedah dan bukannya bergantung kepada satu-satu kaedah sahaja, antaranya secara komunikatif, secara langsung, interaktif, eklektik dan kaedah terjemahan.

Kaedah komunikatif dan kaedah secara langsung adalah dua kaedah yang dicadangkan oleh majoriti tenaga pengajar berbanding dengan kaedah-kaedah pengajaran yang lain. Manakala kaedah terjemahan kurang dipersetujui oleh tenaga pengajar untuk digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Arab untuk pelajar peringkat universiti.

“Pelbagaikan kaedah mengajar...kalau boleh biar pelajar yang mengorganize kelas”. (TP8; 02:08; 130817)

“Hasilkan modul yang bersifat kaedah atau teknik berpusatkan pelajar”. (TP12; 03:12; 010717)

“Syarahan lisan tak berkesan dah...May be tulis kembali apa yang dibaca”. (TP2; 02:27; 130817)

Manakala dari sudut pendekatan pengajaran modul kemahiran mengarang bahasa Arab yang sesuai digunakan pula hampir keseluruhan tenaga pengajar bersetuju sekiranya menggunakan pendekatan *Outcomes Based Education* (OBE) iaitu pendekatan yang mensasarkan hasil dan objektif yang ingin dicapai dalam modul. Setiap pelajar didedahkan dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh mencapai hasil dan objektif yang ditetapkan. tenaga pengajar hanya bertindak sebagai mentor atau fasilitator dengan menggunakan pelbagai teknik dalam membimbing dan memantau setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Terdapat juga beberapa orang tenaga pengajar mencadangkan pendekatan yang lain digunakan iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid yang menekankan interaksi dua hala antara pensyarah dan pelajar. Selain itu menurut beberapa

peserta kajian, pendekatan induktif, deduktif dan aplikasi pengajaran *web 2.0* kadang-kadang boleh juga diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran mengarang bahasa Arab.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan analisis temubual mendapati bahawa semua peserta kajian bersetuju pengajaran modul kemahiran mengarang bahasa Arab perlu berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Kemahiran menulis karangan perlu diajar dengan pelbagai kaedah dan bukannya bergantung kepada satu-satu kaedah sahaja, antaranya secara komunikatif, secara langsung, interaktif, eklektik dan kaedah terjemahan.
- (b) Kaedah komunikatif dan kaedah secara langsung adalah dua kaedah yang dicadangkan oleh majoriti peserta kajian berbanding dengan kaedah-kaedah pengajaran yang lain. Manakala kaedah terjemahan kurang dipersetujui oleh peserta kajian untuk digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Arab untuk pelajar peringkat universiti.
- (c) Pendekatan pengajaran modul kemahiran mengarang bahasa Arab yang sesuai ialah pendekatan *Outcomes Based Education* (OBE) iaitu pendekatan yang mensasarkan hasil dan objektif yang ingin dicapai dalam modul.
- (d) Beberapa orang peserta kajian mencadangkan pendekatan lain seperti pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid yang menekankan interaksi dua hala antara pensyarah dan pelajar.
- (e) Selain itu, pendekatan-pendekatan lain seperti induktif, deduktif dan aplikasi pengajaran *web 2.0* kadang-kadang boleh juga digunakan dalam pengajaran kemahiran mengarang bahasa Arab.

Dapatan ini secara tidak langsung mencadangkan beberapa kaedah pengajaran dan pendekatan yang berkesan dalam pedagogi kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Kaedah dan pendekatan yang dicadangkan ini adalah terbukti berkesan dan bersesuaian berdasarkan pengalaman tenaga pengajar subjek kemahiran menulis bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan penambahbaikan berkaitan kaedah dan pendekatan pengajaran K-KMKBA perlu diberi keutamaan.

Bagi memastikan modul K-KMKBA diajar menggunakan kaedah yang sesuai, pengkaji telah memilih dan menggabungkan beberapa kaedah pengajaran yang dicadangkan melalui hasil dapatan analisis temubual keperluan modul dalam kalangan tenaga pengajar UAM bagi membentuk satu kaedah yang sesuai, mantap dan berkesan. Kaedah ini dinamakan kaedah eklektik.

Menurut Maimun Aqsa Lubis et al. (2016), kaedah eklektik sistematik lebih berkesan berbanding dengan kaedah pengajaran kemahiran bahasa Arab yang lain. Hal ini kerana kaedah Eklektik Sistematik mampu merangsang para pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa. Gabungan tiga kaedah iaitu kaedah induktif, deduktif dan ajuk hafaz diaplikasikan dalam pengajaran modul M-KMKBA. Ketiga-tiga kaedah ini digabungkan agar sepadan dan selari dengan ciri-ciri kandungan modul M-KMKBA yang berbentuk model dan kerangka contoh dalam pembinaan ayat dan perenggan karangan. Berikut adalah justifikasi pemilihan kaedah eklektik sebagai kaedah pengajaran modul M-KMKBA:

- (a) Kandungan modul M-KMKBA secara umumnya berasaskan bentuk-bentuk model pola ayat dan juga kerangka contoh pembinaan perenggan. Pengkaji berpendapat kaedah induktif amat sesuai digunakan kerana guru akan memulakan pengajaran dengan menunjuk cara binaan ayat berpandukan contoh model sehingga pelajar dapat membina ayat tersebut berdasarkan model yang diajar. Akhirnya pelajar dapat membuat kesimpulan berkenaan apa yang cuba disampaikan oleh guru.
- (b) Kaedah ajuk hafaz perlu dipraktikkan dalam pengajaran modul M-KMKBA kerana pelajar perlu menghafal dan mengingat beberapa komponen-komponen utama dalam model contoh yang membentuk struktur perenggan karangan. Ini sebagai panduan yang memudahkan mereka memulakan penulisan perenggan tanpa berfikir panjang.

- (c) Kaedah induktif dan deduktif disatukan dalam satu masa bagi memudahkan guru mengajar bermula dengan unit yang paling asas iaitu menunjuk contoh binaan ayat mudah berasaskan model sehingga kepada yang paling sukar iaitu menghasilkan perenggan-perenggan karangan menggunakan kerangka model. Selain itu kaedah yang dicadangkan ini mampu melatih pelajar menulis ayat sehingga mereka mampu membina perenggan karangan secara latih tubi berdasarkan model melalui latihan yang disediakan sebagai panduan.
- (d) Kaedah eklektik mempunyai ciri-ciri yang sangat istimewa kerana ia menggabungkan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada beberapa kaedah pengajaran (Maimun Aqsa Lubis et al. 2016). Aktiviti-aktiviti pengajaran dalam kaedah ini lebih bersifat pemusatan pelajar manakala guru hanya bertindak sebagai pemudah cara atau fasilitator yang membimbing penulisan pelajar dan memperbetulkan kesalahan dan kesilapan tatabahasa dan penggunaan kosa-kata secara spontan dalam karangan pelajar.
- (e) Medium pengajaran pula menggunakan dwi bahasa kerana modul M-KMKBA dibangunkan menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu. Hal ini kerana perbendaharaan kata yang terdapat dalam modul M-KMKBA adalah mengikut skop yang sesuai dengan persekitaran pelajar peringkat universiti. Justeru, perbendaharaan kata tunggal mahupun berbentuk frasa dalam bahasa Arab seperti istilah pelbagai bidang yang kompleks perlu diperjelaskan cara penggunaannya menggunakan bahasa Melayu agar mereka dapat menggunakan dalam ayat mengikut konteks penggunaan yang tepat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang telah digariskan iaitu mendapatkan pandangan tenaga pengajar berkaitan analisis keperluan pembinaan modul M-KMKBA dari sudut model dan kaedah pengajaran modul. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kaedah eklektik didapati bersesuaian dan berkesan dalam pengajaran modul M-KMKBA. Hal ini kerana ciri-ciri kandungan modul M-KMKBA yang mempunyai pelbagai bentuk *genre* memerlukan pelbagai kaedah dan juga pendekatan yang berbeza agar objektif modul yang disasarkan dapat dicapai dengan baik.

RUJUKAN

- Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. (2010). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. In 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI, Bandung, Indonesia.
- Badger, Richard & White Goodith. (2000). A Process Genre Approach to Teaching Writing in *ELT Journal No 54/2 April 2000*. London: Oxford University Press.
- Baines, L., Baines, C., Stanley, G. K., & Kunkel, A. (1999). Losing the product in the process. *The English Journal*, 88(5), 67-72.
- Bloomberg, L. D., & Volpe, M. (2008). Analyzing data and reporting findings. *Completing your qualitative dissertation: A roadmap from beginning to end*, 94-126.
- Dovey, T. (2010). Facilitating writing from sources: A focus on both process and product. *Journal of English for Academic Purposes*, 9(1), 45-60.
- Hyland, K. (2009). *Teaching & Researching Writing*. Second Edition. Pearson Education Limited: Britain.
- Jasni, S. R., Zailani, S., & Zainal, H. (2020). Impak Pendekatan kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran kosa kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(1), 10-21.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.
- Maimun Aqsa Lubis, Sabariah Sulaiman, Asma' Abdul Rahman. (2016). Keunggulan Kaedah Eklektik dalam Pengajaran Bahasa Arab kepada Pelajar Melayu. *LSP International Journal*, 3(2).
- Muhammad al-Khawli. (1986). *Asālīb Tadrīs al-Lughat al-'Arabiyyat*. Riyadh : al-Mamlakat al-'Arabiyyat al-Saūdiyyat.
- Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A., Yahya, R., Mustari, M. I., Jasmi, K. A., ... & Yahya, R. (2012). Model pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Johor Bahru On*, 8, 867-878.
- Nunan, D. (2006). *Syllabus Design*. New York: Oxford University Press.
- Raghīdat 'Isyāwīy. (2013). *Tadrīs al-Kitābat, Ru'ya wa Manhaj*. Dār al-Salām Li al-Ṭibā'at wa al-Nasyr: Kaherah.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Sulong, W. M. W. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi: Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 142-151.
- Tajuddin, S. (2017). Pengembangan Model Pembelajaran Bahasa Arab Tingkat Sekolah Dasar untuk Meningkatkan Kemampuan Berbahasa Arab Siswa. *Parameter: Jurnal Pendidikan Universitas Negeri Jakarta*, 29(2), 200-215.
- Zamel, V. (1983). Teaching those missing links in writing. *ELT Journal*, 37(1), 22-29.